



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **KEJAYAAN *TREASURE HUNT* WILAYAH PERSEKUTUAN 2016 HASIL KERJASAMA PEJABAT SUK NEGERI TERENGGANU**

**KUALA TERENGGANU, 13 Februari 2016** – Datuk Seri Adnan Bin Hj. Md Ikshan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan bersama YB Dato' Haji Osman Bin Muda, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu menyempurnakan Majlis Makan Malam *Treasure Hunt* Wilayah Persekutuan di Duyung Marina Resort Kuala Terengganu.

2. Program *Treasure Hunt* Wilayah Persekutuan 2016 ini merupakan program baru dalam kalendar sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini yang bertujuan untuk mempromosi bendera Wilayah Persekutuan dan sebagai satu medium hebahan mengenai program-program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 di luar Wilayah Persekutuan. Program ini melibatkan kolaborasi dan kerjasama di antara KWP, DBKL dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Di samping itu juga melalui program ini dapat menyokong mempromosikan pelaksanaan Program Tahun Melawat Terengganu 2016.

3. Penganjuran *Treasure Hunt* Wilayah Persekutuan 2016 merupakan penganjuran buat julung kali diadakan merentasi sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Melalui penganjuran seperti ini dapat menunjukkan semangat perpaduan dan kesatuan di kalangan peserta khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Selain itu juga, dengan jalinan kerjasama

bersama Kerajaan Negeri Terengganu, KWP dapat melihat aspek lain seperti Kaedah Pengurusan Banjir dan Pelancongan yang boleh diaplikasikan dengan sistematik dan teratur di Wilayah Persekutuan. Sebanyak 110 pasukan menyertai *Treasure Hunt* Wilayah Persekutuan ini dan semua pasukan berjaya menamatkan perjalanan dalam tempoh masa yang diberikan. Bagi Kategori Terbuka yang dikhususkan kepada semua warganegara Malaysia pemenangnya ialah dari pasukan \_\_\_\_\_ menerima hadiah wang tunai sebanyak RM7 ribu manakala Kategori Tertutup yang dikhaskan kepada warga KWP dan Agensi serta pihak media pemenangnya dari pasukan \_\_\_\_\_ menerima hadiah wang tunai sebanyak RM5 ribu.

4. Sambutan yang diterima bagi program ini amat menggalakkan iaitu dengan penglibatan daripada pelbagai peringkat lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan termasuk penyertaan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), UNIRAZAK, Persatuan Alumni Fakulti Sukan Dan Rekreasi UiTM, EPANCO dan Majlis Belia Wilayah Persekutuan. Penyertaan ini merupakan tanda sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi pelbagai pihak kepada program-program yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan khususnya KWP.

5. Diharapkan agar kerjasama dalam penganjuran program-program sebegini dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan dapat dikekalkan bagi menjamin kebaikan dan kesejahteraan bersama bukan sahaja di Wilayah Persekutuan malah juga di Negeri Terengganu. Program sukan *Treasure Hunt* ini juga boleh menjadi *signature sport* kepada golongan muda kerana ianya dapat membentuk minda cergas dan sentiasa proaktif yang boleh memberi kesan positif kepada kehidupan harian.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Terengganu

13 Februari 2016